



Normalisasi harga siling gula dijangka dilaksana berperingkat

Oleh Mohd Zaky Zainuddin - April 3, 2024 @ 11:37am

zaky@bh.com.my



Harga runcit gula meningkat hanya satu sen sepanjang sedekad yang lalu -NSTP/SAIFULLIZAN TAMADI

KUALA LUMPUR: Normalisasi harga siling bagi gula dijangka dilaksanakan secara berperingkat, sebaik sahaja langkah subsidi bersasar diperkenalkan pada separuh kedua tahun ini, demikian menurut penganalisis.

MIDF Research dalam satu nota penyelidikan berkata, Pangkalan Data Utama (PADU) akan membolehkan kerajaan menyelaras bantuan kepada penerima yang layak, sambil menstruktur semula harga siling gula.

"Penstrukturkan semula harga siling gula yang sedia ada rendah secara tidak rasional adalah sejajar dengan harga pasaran barang berkenaan," katanya.

MIDF Research berkata, gula kasar (CGS) di Malaysia dijual pada harga rendah berbanding negara jiran lain seperti Singapura iaitu RM6.11 hingga RM6.79 sekilogram, Kalimantan (RM4.50 sekilogram), Sumatera (RM4.20 hingga RM4.50 sekilogram), dan Selatan Filipina (RM8.50 hingga RM9.50 sekilogram).

"Apa yang nyata adalah harga siling gula tidak pernah melebihi RM2.85 sekilogram untuk gula kasar dan RM2.95 sekilogram untuk gula halus," katanya.

Berdasarkan kajian firma penyelidikan itu, harga runcit gula meningkat hanya satu sen sepanjang sedekad yang lalu, daripada RM2.84 sekilogram pada 2013 kepada RM2.85 sekilogram ketika ini.

Baru-baru ini, disebabkan cabaran kewangan yang berpunca daripada kos input utamanya iaitu gula NY11, pengeluar gula tempatan, MSM Malaysia Holdings Bhd (MSM) menerima sokongan kerajaan sejak November 2023 untuk memastikan kestabilan operasi yang berterusan.

Ia disalurkan dalam bentuk insentif yang berjumlah RM1,000 bagi setiap tan.

Sebagai balasan, MSM bertanggungjawab membekalkan 24,000 tan gula ke pasaran tempatan setiap bulan.

"Walaupun menjangkakan insentif itu tidak akan berterusan memandangkan keadaan fiskal dan subsidi, kami merasakan normalisasi harga siling gula akan berlaku secara berperingkat.

"Berdasarkan analisis sensitiviti kami, kenaikan harga gula sebanyak 10 sen pada tahun depan akan meningkatkan keuntungan MSM kepada RM304 juta atau RM25.4 juta sebulan," katanya.

MIDF Research berkata, melihat kepada landskap serantau gula, bahagian pasaran kekal kompetitif kerana kebanyakan peserta makanan dan minuman (F&B) serantau membeli secara langsung, menikmati harga pintu kilang rendah dari negara pengeluar yang berasal dari Brazil, Thailand dan India.

"Bagaimanapun, disebabkan oleh keadaan cuaca yang tidak menentu sejak dua tahun lalu yang mengakibatkan kejatuhan hasil, mendorong India untuk mengenakan larangan eksport (yang masih berterusan setakat ini) dalam usaha untuk melindungi negara itu," katanya.

HEADLINE	Normalisasi harga siling gula dijangka dilaksana berperingkat
MEDIA	Berita Harian - Online
DATE	3 April 2024, 11:37am
BY	Mohd Zaky Zainuddin
LINK	https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2024/04/1231013/normalisasi-harga-siling-gula-dijangka-dilaksana-berperingkat